

Tarikh Dibaca: 18 Disember 2015

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“ZAKAT DEKAT DIHATI; UMMAH
DIBERKATI”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR
2012-2015**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)**
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



“ZAKAT DEKAT DIHATI; UMMAH DIBERKATI”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ
وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Marilah kita sama-sama hayati khutbah hari ini yang bertajuk **"ZAKAT DEKAT DIHATI; UMMAH DIBERKATI"**.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Zakat merupakan perintah Allah SWT yang wajib kita tunaikan setelah cukup syarat-syaratnya. Kewajipan zakat ini banyak disebutkan di dalam Al-Quran dan hadis yang jelas menunjukkan kepada kita bahawa ibadah zakat seiring dengan kewajipan-kewajipan yang lain yang mesti diyakini dan ditunaikan oleh umat Islam.

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah, ayat 110;

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا
لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ ^{قُلْ} إِنَّ اللَّهَ بِمَا
تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

"Dan dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk dirimu, tentulah kamu akan mendapat



balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan".

Hadirin jumaat sekalian,

Sesungguhnya, zakat berperanan penting dalam menjana kekuatan ekonomi umat Islam. Ini dapat dibuktikan dengan empat (4) faktor utama iaitu;

1. Zakat dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan kepada golongan asnaf disamping ia merupakan bentuk penyucian harta dan jiwa bagi insan yang menunaikannya. Disisi golongan asnaf yang menerima sumbangan zakat, mereka akan mampu meningkatkan ekonomi keluarga mereka, seterusnya menghilangkan rasa iri hati dan dendam sesama manusia.

Natijahnya, kehidupan masyarakat akan aman, bersatu-padu, kestabilan ekonomi akan wujud, kecemerlangan pendidikan dan seterusnya kesatuan ummah yang mantap dan jitu.

Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah, ayat 103;

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

"Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka,



kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui".

Ayat ini jelas menyatakan bahawa Allah memerintahkan kepada pemerintah (para 'Amil) untuk mengutip zakat daripada golongan yang berharta sementara Allah SWT pula akan menganugerahkan keberkatan kepada hambaNya yang berzakat dengan penyucian hati manusia dari penyakit mazmumah, keberkatan terhadap rezeki dan harta yang dimiliki serta ketenangan dan kebahagiaan kepada mereka yang berzakat.

2. Zakat juga dapat membebaskan manusia dari belenggu kemiskinan melalui penyediaan saraan hidup atau modal yang mencukupi bagi golongan yang berhajat. Bantuan modal diperuntukan kepada asnaf yang mampu bekerja tetapi tidak mempunyai kewangan yang mencukupi untuk menjalankan perniagaan atau pekerjaan mereka. Peruntukan ini diberi dengan kadar yang mencukupi sesuai dengan keadaan ekonomi, tempat dan keperluan sebenar fakir dan miskin tersebut.

Walau bagaimanapun, golongan ini tidak wajar dibiarkan sebagai penerima zakat semata-mata. Disamping bantuan modal dan kewangan, mereka juga berpotensi untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka melalui program-program keusahawanan, latihan kemahiran, bimbingan, motivasi dan kaunseling yang diadakan oleh institusi zakat.

Jiwa mereka perlu dibangunkan supaya dapat berdikari dan terus hidup dengan cara memanfaatkan wang agihan zakat sebagai sumber modal dan memajukan ekonomi mereka sehingga akhirnya dapat mengeluarkan diri mereka daripada belenggu kemiskinan.



3. Zakat berperanan untuk mengelakkan daripada berlakunya penumpuan harta di kalangan golongan tertentu sahaja dalam masyarakat. Hadis daripada Ali Bin Abi Talib RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

"Sesungguhnya Allah SWT mewajibkan (zakat) atas orang-orang kaya dari umat Islam pada harta mereka dengan batas (had) yang sesuai dengan kecukupan (keperluan) fuqara' di antara mereka. Orang-orang fakir tidak akan kekurangan pada saat mereka lapar atau tidak berbaju kecuali kerana perilaku (buruk) orang-orang kaya di antara mereka. Ingatlah bahawa Allah akan menghisab mereka dengan keras dan mengazab mereka dengan pedih."

(Riwayat at-Tabrani).

Hadis ini memberi peringatan kepada kita semua, khususnya kepada orang-orang kaya supaya melaksanakan kewajipan zakat sebagai memenuhi amanah menyerahkan hak fakir dan miskin yang ada dalam harta yang dimiliki dan dapat membebaskan orang-orang kaya dari diperhambakan oleh harta.

4. Zakat merupakan satu kaedah yang menyelamatkan manusia dari kelaparan dan menjamin keadilan sosio-ekonomi dalam masyarakat. Melalui pemberian zakat, bukan sahaja dapat menyediakan satu suasana yang membolehkan manusia memelihara kehormatan dan melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah SWT, bahkan keseimbangan jurang antara golongan kaya dan miskin akan dapat dikurangkan. Ini dapat kita perhatikan apabila Rasulullah SAW telah berpesan kepada Saidina Muadz bin Jabal RA ketika mengarahkan beliau ke Negeri Yaman berdasar kepada sebuah hadis



daripada Ibnu Abbas RA beliau berkata, Baginda Rasulullah SAW bersabda kepada Muadz :

"Ajaklah mereka supaya mengakui bahawa tiada tuhan selain Allah, dan sesungguhnya aku Pesuruh Allah. Jika mereka telah mematuhi yang demikian, terangkanlah kepada mereka bahawa Allah SWT mewajibkan kepada mereka solat lima kali sehari semalam. Sekiranya mereka telah mentaatinya, ajarkanlah bahawa Allah SWT memerintahkan kepada mereka supaya membayar zakat harta mereka, diambil dari orang kaya antara mereka dan diberikan kepada orang-orang miskin. Jika itu telah dipatuhi, jagalah supaya kamu jangan mengambil harta mereka yang paling berharga. Takutilah doa orang yang teraniaya, kerana sesungguhnya antara dia dengan Allah tiada hijab."

(Riwayat al-Bukhari).

Inilah faktor penting menunjukkan bahawa zakat ini mampu menjana ekonomi ummah seterusnya mewujudkan sebuah masyarakat yang seimbang, harmoni dan membangun.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Untuk pengetahuan para jemaah sekalian, pada tahun 2014, pihak Lembaga Zakat Selangor yang diamanahkan untuk menguruskan zakat ini telah mengagihkan sebanyak RM595.1 juta kepada seluruh 8 golongan asnaf di negeri ini. Daripada jumlah agihan tersebut, sebanyak RM232.9 juta telah diagihkan kepada seramai 43,661 keluarga fakir dan miskin dalam pelbagai bentuk bantuan termasuklah bantuan sara hidup, modal perniagaan, makanan bulanan, pembinaan dan baik pulih rumah secara percuma, bantuan pendidikan dan lain-lain lagi.



Pada tahun 2014 juga, sejumlah RM22.2 juta telah diagihkan dibawah Program Pembangunan Ekonomi. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM10.1 juta diagihkan kepada seramai 1,900 peniaga-peniaga baru yang terdiri daripada asnaf fakir, miskin dan saudara-saudara baru. Para usahawan ini sentiasa dipantau dan dinilai prestasi perniagaan mereka supaya maju dan berdaya saing sehingga mereka dapat keluar daripada belenggu kemiskinan.

Untuk makluman sidang jemaah sekalian, pada tahun ini, seramai 200 usahawan asnaf telah membuktikan kejayaan mereka bebas daripada kemiskinan apabila perniagaan mereka mampu menjana pendapatan yang lumayan.

Inilah hasrat murni yang ingin dicapai iaitu golongan asnaf yang dibantu dapat berusaha dengan lebih gigih lagi untuk membina masa depan mereka dengan lebih baik sehingga akhirnya mereka beroleh kejayaan dalam kehidupan mereka serta dapat pula membantu orang lain yang dahulu senasib dengan mereka melalui zakat yang ditunaikan di Lembaga Zakat Selangor.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Kesimpulan yang boleh diambil daripada khutbah ini ialah umat Islam hendaklah memahami bahawa:

1. Pensyariatan zakat kepada manusia adalah semata-mata untuk menyuburkan keadilan dalam kehidupan manusia dan membela golongan yang diuji dengan kemiskinan dan kesusahan.



2. Melalui pengagihan zakat yang sempurna, akan mampu meningkatkan ekonomi umat Islam melalui keupayaan mereka menjana ekonomi keluarga melalui perniagaan dan perusahaan.

3. Usaha untuk membebaskan manusia dari kemiskinan bukanlah suatu tugas yang mudah. Ia tidak akan dapat dicapai sekiranya agihan zakat ini dilakukan secara individu atau orang perseorangan. Dengan kata lain, perancangan yang rapi, tersusun dan istiqomah sehingga akhirnya matlamat membebaskan manusia dari kepompong kefakiran dan kemiskinan hanya akan dapat dicapai melalui tenaga dan strategi yang tersusun rapi melalui badan berorganisasi yang kukuh.

4. Menjadi kewajipan dan tanggungjawab kita untuk menunaikan zakat. Mudah-mudahan amalan berzakat akan dekat dihati, dapat meraih keberkatan, rezeki, bahkan memperoleh ketenangan hati serta hidup bahagia di dunia hingga ke akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ
فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

"Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada



Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”

(Surah at-Taubah: 18).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِاِقْرَانِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَان شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَالِحُ الدِّينِ عبد
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَالِحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.